

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

ATP205 - PENGURUSAN AWAM

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pemilihan kakitangan dalam sektor awam dikatakan mengikut prinsip kelayakan (meritocracy). Bagaimanakah prinsip ini dapat menentukan tahap perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi awam?

[25 markah]

2. Penilaian prestasi organisasi adalah satu aktiviti yang amat penting sekali bagi setiap organisasi. Jika anda diberi peluang untuk menilai prestasi sebuah organisasi sektor awam yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat mengenai penyakit AIDS, apakah langkah-langkah penilaian yang akan anda laksanakan?

[25 markah]

3. "Untuk mengatasi masalah pembaziran sumber, kelambatan mendapat keputusan dan prestasi kerja yang rendah, sektor awam harus diurus seperti firma-firma di sektor swasta". Apakah pendapat anda mengenai pernyataan di atas? Bincangkan.

[25 markah]

...2/-

ATP205

4. Para pengurus sektor awam harus mendasarkan tindakan mereka kepada "mengelakkan kecederaan" (avoiding injury) adalah lebih penting daripada "memberi bantuan" (to give aid). Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

5. "Konsep bertanggungjawab yang merangkumi akauntabiliti hanya wujud di dalam sektor awam sahaja, kerana sumber kewangan sektor itu ialah dari bayaran cukai yang diwajibkan ke atas semua ahli masyarakat yang mampu dan layak membayarnya". Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

6. "Semasa memberi khidmat kepada masyarakat, 'keadilan' terjamin jika seorang pengurus memainkan peranan sebagai pengurus proses". Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

---ooo000ooo---